

17/01/1999

1,538 rumah pelbagai jenis dijual di Pulau Pinang

GEORGETOWN: Sejumlah 1,538 unit rumah pelbagai jenis bernilai lebih RM312 juta berjaya dijual di negeri ini sempena Kempen Pemilikan Rumah yang berlangsung selama sebulan bermula 12 Disember tahun lalu.

Daripada sejumlah unit rumah yang dijual itu, jenis pangsapuri berharga kurang RM150,000 paling popular dan menjadi tarikan pembeli dengan 840 unit berjaya dijual.

Statistik dikeluarkan Persatuan Pemaju Perumahan (HDA) Pulau Pinang juga menunjukkan rumah jenis yang sama berharga antara RM150,001-RM200,000 sebanyak 203 unit berjaya dijual, RM200,001-RM250,00 (49 unit) dan lebih RM250,000 (160 unit).

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, ketika mengumumkan hasil kempen itu, berkata ia berjaya meningkatkan semula keyakinan pemaju dan pembeli untuk memiliki rumah ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi yang menjejaskan industri perumahan.

"Kempen itu, yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya memulihkan sektor hartanah di negeri ini yang agak lembap berikutan kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar mengenai hasil kempen berkenaan di sebuah hotel di sini, semalam.

Turut hadir pada sidang akhbar itu, Pengerusi HDA Pulau Pinang, Ong Gin Huat dan Penasihat HDA Pulau Pinang, Cheah Kheng Hooi.

Sementara itu, bagi rumah jenis bertanah (landed properties) sejumlah 205 unit bernilai RM49 juta berjaya dijual dengan harga kurang RM150,000 (62 unit); RM150,001-RM250,000 (53 unit); RM250,001-RM350,001 (11 unit); dan lebih RM350,000 (79 unit).

Dr Koh berkata, kempen itu berjaya menarik minat orang ramai untuk membeli rumah terutama potongan harga istimewa serta kemudahan lain yang diberikan pemaju kepada pembeli.

"Selain harga, lokasi, jenis rumah dan kemudahan yang diberikan oleh pihak pemaju dan bank berjaya menarik minat orang ramai untuk membeli rumah yang sebelum ini ragu-ragu terhadap keupayaan kedua institusi berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 50 pemaju di negeri ini yang terbabit dalam kempen berkenaan berupaya menawarkan potongan harga yang rendah berbanding beberapa negeri lain.

Menurutnya, berdasarkan maklum balas yang baik ketika kempen berlangsung menunjukkan orang ramai masih mampu membeli rumah ketika ini kerana mereka berupaya mengumpul wang sebelum kegawatan melanda negara.

(END)